



## SERUAN KEPADA UMAT MANUSIA MENGENAI KEKEJAMAN YANG BERLAKU KE ATAS KAUM MUSLIMIN DI RUSSIA

Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik yang ideologinya adalah Islam. Hizbut Tahrir menjalankan aktiviti di Russia di mana ia mendakwahkan Islam melalui diskusi dan aktiviti intelektual lainnya. Aktiviti Hizbut Tahrir hanya terbatas kepada bentuk pemikiran kerana inilah yang dituntut oleh Islam ke atas sesebuah parti politik. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran, "Tidak ada paksaan di dalam agama" [TMQ al-Baqarah (2):256]. Walaubagaimanapun, terdapat manusia yang melakukan kekejaman melampau ke atas pendakwah Islam yang berdakwah dengan aman ini. Bashkortostan, sebuah wilayah di Russia, merupakan wilayah yang paling dahsyat dalam kekejamannya. Sejak sepuluh tahun yang lalu, pihak berkuasa wilayah tersebut telah memulakan kempen kekejamannya ke atas kaum Muslimin. Bermula pada tahun 2004, ia semakin menjadi-jadi setelah Hizbut Tahrir diharamkan secara rasmi oleh pihak berkuasa.

Kami, *syabab* (pemuda-pemuda) dari Hizbut Tahrir ingin menarik perhatian dunia mengenai jenayah yang telah menimpa mereka yang ingin hidup sesuai dengan tuntutan agama mereka. Mereka hanyalah Muslim yang mengatakan bahawa Allah adalah Tuhan mereka dan Islam adalah agama mereka. Selama 7 tahun, pihak berkuasa Russia telah menutup mata mereka terhadap apa yang berlaku di Bashkortostan. Mereka merasa 'okay' meyakinkan seseorang yang diseksa dan dibunuh hanya kerana berpegang kepada agamanya. Hakikatnya, Kremlin ingin menanamkan rasa takut ke atas orang-orang yang menentangnya. Namun usaha-usaha mereka ini tidak akan berjaya kerana kami memikul dakwah Islam dan menyebarkan Islam atas dasar keimanan dan kami sedar bahawa jalan yang kami tempuh ini dipenuhi dengan pengorbanan.

Atas sebab apakah segala kekejaman ini dilakukan, tidak pernah dinyatakan dengan jelas oleh mereka. Kaum Muslimin tidak pernah dibicarakan dengan adil malah terus diburukkan di media massa. Apa yang jelas adalah kaum Muslimin dibenci secara terbuka, tanpa sebarang sekatan. Di dalam penulisan ini, kami ingin memaparkan fakta-fakta kekejaman yang berlaku dan kami memfokuskan apa yang berlaku di Bashkortostan. Namun begitu, hakikatnya, kekejaman ini sama sepertimana yang berlaku ke atas umat Islam umumnya dan *syabab* Hizbut Tahrir khususnya di negeri-negeri kaum Muslimin yang lain.

Sebagai permulaan, kami akan paparkan kejahatan yang telah dilakukan ke atas enam orang Muslim yang ditangkap pada 21hb Oktober 2011 di Sibaj. Enam buah rumah telah diledakkan dengan ganasnya. Mereka yang ditangkap ini diperlakukan dengan kejam di mana kaki dan tangan mereka telah dipukul dalam keadaan mata mereka diikat dengan kain, kepala mereka di tutup dengan beg, dipukul terus menerus dengan paip PVC dan dilemaskan dengan topeng gas. Para pegawai yang menyeksa mereka telah membogelkan mereka dan memukul punggung mereka dan mengancam untuk mencabul kehormatan mereka. Mereka dipukul dengan baton dan baton ini dirodok ke dalam mulut mereka. Muslim ini juga digari secara terus menerus selama 8 jam. Para pegawai ini juga menarik janggut mereka dan membakarnya dan menyeksa mereka dengan pelbagai bentuk penyeksaan. Salah seorang dari Muslim ini telah patah 4 tulang rusuk. Akhirnya prosiding jenayah di bawah artikel 282.1 dan 282.2 Kanun Jenayah Federasi Russia telah difailkan terhadap mereka. Jenayah dan penyeksaan ke atas umat Islam ini telah dilakukan oleh pihak berkuasa sejak tujuh tahun yang lalu, sebagai bentuk penentangan dan kebencian mereka terhadap Islam.

Sejak 14hb Februari 2003, setelah keputusan yang tidak berasas dibuat oleh Mahkamah Tinggi Federasi Russia yang menetapkan bahawa Hizbut Tahrir, sebuah parti politik Islam, adalah sebuah organisasi teroris, badan perisikan mula menzalimi kaum Muslimin di Russia. Badan Keselamatan Persekutuan dan Kementerian Dalam Negeri Republik Bashkortostan mula melakukan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Para hakim dan badan penyiasatan yang dengan mudah menjatuhkan hukuman salah ke atas kaum Muslimin, meskipun bukti-bukti yang ada langsung tidak menyokong dakwaan tersebut, juga bertanggungjawab di atas kezaliman dan penganiayaan ini.

Serbuan oleh Badan Keselamatan Persekutuan yang terkenal dengan keganasannya yang melampau, bermula pada bulan Disember 2004 di bandar-bandar di daerah Bashkortostan. Serbuan-serbuan ini dilakukan sedemikian rupa untuk menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi secara sah telah menetapkan Hizbut Tahrir sebagai sebuah organisasi teroris.

Serbuan juga menyaksikan kejahatan pihak berkuasa dengan memalsukan bahan bukti di mana senjata dan peluru di letakkan di rumah-rumah kaum Muslimin yang diledakkan. Mereka yang ditangkap akan diseksa untuk mendapatkan pengakuan bahawa mereka terlibat dengan aktiviti teroris. Di penjara, anggota perisikan akan datang untuk memukul mereka sehingga separuh mati. Pada 4hb Ogos 2005, sembilan orang telah dijatuhkan hukuman:

- (1) Alibayev Marsel Uralovitch, lahir 1974 - 8 tahun penjara dengan keselamatan ketat.
- (2) Ahmetsafin Musa Sharifoviñh, lahir 1977 - 7 tahun 6 bulan penjara dengan keselamatan ketat.
- (3) Gabdrahmanov Rinat Rifovich, lahir 1968 - 8 tahun 6 bulan penjara dengan keselamatan ketat.
- (4) Gayanov Bulat Marsovich, lahir 1972 - 7 tahun 6 bulan penjara dengan keselamatan ketat.

- (5) Gayanov Salavat Marsovich, lahir 1976 - 5 tahun penjara dengan keselamatan ketat.
- (6) Gayanov Mars Gabdullovich, lahir 1951 - 4 tahun 6 bulan hukuman bersyarat.
- (7) Gumerov Ilgiz Railjevich, lahir 1978 - 3 tahun 6 bulan penjara.
- (8) Ryadinskiy Vitaliy Nikolaevich, lahir 1976 - 8 tahun penjara dengan keselamatan ketat.
- (9) Saveljev Evgeniy Anatoljevich, lahir 1984 - 4 tahun 6 bulan penjara.

Wakil dari Jawatankuasa Bantuan Sivil dan Memorial (Civil Assistance Committee and Memorial), sebuah pertubuhan hak asasi manusia mengatakan, "Dakwaan jenayah bagi mereka yang didapati mempunyai hubungan dengan Hizbut Tahrir, termasuklah 9 orang yang dihukum semalam, sesungguhnya telah dihukum berasaskan motif ideologi. Pengumuman oleh Kasjyanov A.A, ketua Jabatan Kes-Kes Utama Pendakwaan Awam (Department of Priority Cases of Public Prosecution) Republik Bashkortostan merupakan pengesahan kepada hal ini. Seperti yang telah disebutkan oleh salah seorang isteri mangsa, yang memetik pihak berkuasa sebagai berkata, "Tidak ada seorangpun yang mengatakan mereka ini adalah teroris, tetapi kami (pihak berkuasa) bertindak atas dasar keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi..."

Berdasarkan apa yang kami (*syabab* Hizbut Tahrir) ketahui, dakwaan memiliki senjata dan bahan letupan yang di lontarkan ke atas Alibayev dan Gabdrahmanov merupakan tuduhan palsu di mana senjata dan bahan letupan tersebut telah diletakkan di rumah tertuduh. Senjata dan bahan letupan juga telah disusupkan oleh pihak berkuasa semasa serbuan mereka di rumah Ryadinskiy dan Gayanov, namun mereka tidak didakwa di bawah artikel 222 Kanun Jenayah Federasi Russia. Ini secara tidak langsung membuktikan kebenaran salah satu hujah pembelaan bagi Alibayev dan Gabdrahmanov bahawa kes ini adalah kes palsu yang sengaja diada-adakan. Keadaan di mana senjata dan bahan letupan tersebut dijumpai juga menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia juga mendedahkan maklumat bahawa para pegawai keselamatan telah melanggar pelbagai undang-undang ketika menyoalsiasat mangsa yang ditahan. 'Bukti-bukti' mengenai pembabitian mereka yang ditangkap di dalam organisasi haram dan kegiatan jenayah diperolehi melalui cara penyeksaan dan penganiayaan serta penghinaan terhadap agama (Islam) mereka.

Keputusan yang diambil oleh Mahkamah Tinggi Federasi Russia pada 14hb Februari 2004 bahawa 15 organisasi Islam merupakan organisasi teroris, di buat di dalam mesyuarat yang tertutup. Wakil dari organisasi yang dituduh tidak dipanggil untuk membela diri. Keputusan ini juga tidak diwartakan. Para imam masjid tidak mendapat akses kepada teks keputusan tersebut. Oleh itu, mereka tidak dapat menjelaskan isu ini kepada kaum Muslimin yang terkesan secara langsung dengan keputusan ini.

'Memorial', sebuah pertubuhan hak asasi manusia, menerima teks keputusan tersebut pada bulan Julai 2005, dua tahun selepas ia dibuat. Memorial memperolehinya hanya selepas permintaan untuk mendapatkannya dilakukan oleh Gannushkina S. A., salah seorang ahli Majlis Institusi Sipil dan Hak Asasi Manusia di bawah Presiden Russia, kepada Lebedev V. M, Presiden Mahkamah Tinggi Federasi Russia. Permintaan pertama dilakukan pada Julai 2004 namun tidak dilayan. Apa yang berlaku ini bermakna, keputusan untuk menghalang hak dan kebebasan seseorang warganegara telah dibuat secara rahsia, yang mana ini sebenarnya adalah bertentangan dengan undang-undang Russia itu sendiri.

Selepas hukuman dijatuhkan oleh mahkamah, orang-orang Islam ini tidak dilepaskan begitu sahaja. Di dalam penjara, mereka terus diseksa dan dizalimi. Para pegawai perisikan selama ini tidaklah melakukan suatu bentuk yang baru dalam menzalimi umat Islam, namun selepas 2008, mereka telah memulakan satu fasa baru dalam menyeksa dan menzalimi kaum Muslimin di Bashkortostan. Sejak April 2008, gelombang baru penyeksaan dan kekejaman ke atas kaum Muslimin mula terjadi di bandar-bandar di Bashkortostan. Lebih 30 Muslim ditangkap pada 4hb April di mana 22 buah rumah telah digeledah oleh badan perisikan. Mereka telah mula menyusupkan bukti-bukti palsu sejak tahun 2004 seperti meletakkan senjata di rumah yang digeledah untuk mewujudkan alasan bagi menyumbat kaum Muslimin ke dalam penjara. Enam orang dari Oufa dituduh terlibat dengan aktiviti Hizbut Tahrir dengan bukti-bukti palsu ini. Mereka adalah:-

(1) Shakirov Albert Zakievich, lahir 1966 (2) Lukmanov Azat Razifovich, lahir 1975 (3) Minnibaev Tagir Fanisovich, lahir 1981 (4) Shamil Sharipov, lahir 1977 (5) Rustam Latypov, lahir 1976 (6) Ajrat Ahmetshin, lahir 1977.

Muslim dari Bajmak dan Sibaj juga ditangkap dan dipenjarakan. Mereka adalah (1) Ajnur Sagadeev, lahir 1982 (2) Ajnur Bajsuakov, lahir 1979 (3) Alexey Putintsev, lahir 1976.

Muslim dari daerah Meleuz yang ditangkap dan dipenjarakan (1) Rustam Rahmatullin, lahir 1984 (2) Marat Ismagilov, lahir 1982.

Muslim dari Davlekanovo juga dipenjarakan. Semua penangkapan ini disertai dengan penyeksaan ke atas mereka dengan tujuan untuk mendapatkan 'pengakuan' yang boleh membantu siasatan. Penangkapan terus berlaku pada tahun 2009 di Djurtjuli dan Ulfa. 20 penangkapan yang jelas melanggar hak asasi manusia dilakukan. Enam dari mereka dijatuhkan hukuman pada 22hb September. Mereka adalah (1) Rustam Latypov, lahir 1976 (2) Shakirov Albert Zakievich, lahir 1966 (3) Lukmanov Azat Razifovich, lahir 1975 (4) Ildar Muhametdinov, lahir 1975 (5) Shamil Husnijarov, lahir 1982 (6) Ilgiz Salahov, lahir 1975.

Pada 2010, keadaan yang sama dihadapi oleh kaum Muslimin di Tuimazy, Meleuz dan Mrakovo di mana tuduhan jenayah dan pemenjaraan terhadap mereka dapat disaksikan. Tahun 2011 merupakan kemuncak kezaliman badan perisikan di Bashkortostan. Pada 17 Mac 2011, pasukan bersenjata telah memecah masuk ke dalam sebuah rumah flat di mana beberapa orang Islam sedang berkumpul untuk menikmati minuman teh. Mereka semua terus di bawa ke balai polis.

Kezaliman mereka bertambah buruk pada 25 Mac 2011 ketika umat Islam mengadakan perhimpunan aman untuk menuntut hak-hak mereka. Pihak berkuasa Republik ini bukannya ingin mendengar apa yang dituntut, sebaliknya telah mengarahkan badan perisikan untuk menangkap mereka yang terlibat. Puluhan ditangkap dan diseksa oleh para pegawai Kementerian Dalam Negeri dan FSC. Lapan orang dituduh di bawah kesalahan jenayah artikel 282.2. Mereka adalah:-

(1) Shamil Galimov, lahir 1980 (2) Rustem Galljamov, lahir 1984 (3) Michael Toptygin, lahir 1983 (4) Ildar Ibragimov, lahir 1975 (5) Ruslan Zajnullin, lahir 1991 (6) Ajrat Ahmetshin, lahir 1977 (7) Mansur Sharipov, lahir 1988 (8) Alexey Hamadeev, lahir 1981.

Sebahagian saudara-saudara Muslim yang prihatin telah pun membuat aduan terhadap pihak berkuasa yang menyeksa dan menzalimi mangsa ini beserta penipuan (bukti palsu) yang mereka lakukan, kepada pihak atasan mereka. Kaum Muslimin di Bashkortostan terdedah kepada segala perlakuan kejam dan zalim badan perisikan sehinggalah ke hari ini. Para pegawai ini bagaikan pemburu yang sentiasa dahagakan darah dan tidak pernah puas dengan kezaliman dan penyeksaan yang mereka lakukan. Sehingga ke hari ini, mereka terus menzalimi dan membuat pertuduhan palsu ke atas umat Islam. Kebencian mereka terhadap umat Islam tidak hanya ke atas kaum lelaki, malah kaum wanita juga menjadi mangsa. Isteri-isteri mereka yang dituduh, yang masih mempunyai anak-anak kecil, juga ditekan dan dianiayai. Antara mereka:-

(1) Shakirova Lilija Ramilevna, lahir 1982, ibu kepada 4 orang anak.  
(2) Mannapova Julia Kazihanovna, lahir 1984, ibu kepada 2 orang anak kecil.  
(3) Minibaeva Elmira Junirovna, lahir 1985, ibu kepada 2 orang anak .

Mereka juga dituduh terlibat dengan ekstremisme. Tindakan para pegawai keselamatan di Bashkortostan ini adalah seperti tindakan binatang yang ganas kerana kekejaman dan kezaliman mereka ini adalah di luar batas kemanusiaan. Sharipov Mansur Maratovich telah dipukul dengan begitu teruk di penjara sementara menunggu percabaran pada September 2011 di Oufa. Tiada seorangpun dari pegawai yang memukulnya dikenakan tindakan meskipun penganiayaan tersebut telah dibuktikan oleh Suruhanjaya Pembelaan Hak Asasi Manusia.

Setiap hari penangkapan terus berlaku. Tidak ada bandar yang terlepas dari kezaliman ini. Percabaran terus berlaku di Birsks, Salavat, Oufa; semua ini terus berlaku meskipun berlaku pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Di Sterlitamak pada bulan September lepas, tiga buah rumah Muslim telah digeledah di mana tiga buah buku Hizbut Tahrir dijumpai. Kes jenayah terus difailkan.

Pada Oktober 2011 di Oufa, pegawai bersenjata FSC telah menyerbu masuk dan menggeledah sebuah pangsapuri di mana 4 orang Muslim tinggal di dalamnya. Mereka terus ditangkap dan dibawa ke 'bilik-bilik seksaan' yang terletak di Jalan Krupskaya 19, sebuah bangunan pentadbiran FSC. Di Bashkortostan sahaja, ahli-ahli Hizbut Tahrir diletakkan di dalam bilik-bilik seumpama ini di sepanjang tempoh pengharaman Hizbut Tahrir.

Wahai Manusia! Kalian memiliki pemikiran dan kalian mampu membezakan yang baik dari yang jahat. Kalian boleh bertanya kepada Russia dan pihak berkuasanya akan layanan mereka terhadap rakyatnya. Siapakah yang memberikan kepada mereka hak untuk menculik, memukul dan menangkap manusia hanya kerana seseorang itu mempunyai pandangan tertentu dan berpegang teguh kepada pandangan tersebut?

Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran, "*Di antara orang-orang Mukmin itu, ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur dan di antara mereka ada yang menunggu-nunggu (apa yang Allah janjikan ke atas mereka) dan mereka sedikitpun tidak merubah (janjinya)*" [TMQ al-Ahzab (33):23].

Jurucakap Pejabat Media  
Hizbut Tahrir Russia  
Usman Salihov